

Bela rakyat melalui reformasi, kecekapan dan keadilan sosial

• Dalam suasana global tidak menentu, kos sara hidup terus mencabar serta krisis kepercayaan terhadap institusi awam melanda banyak negara, kerajaan memilih letakkan kebajikan rakyat sebagai paksi utama dasar negara

• Kebajikan rakyat tidak ditangani secara terpisah atau bersifat reaktif, sebaliknya melalui reformasi struktur, keberanian membuat keputusan dasar serta kecekapan pelaksanaan konsisten dan berakauntabiliti



Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSSGG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Perutusan Tahun Baharu 2026 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi satu pernyataan dasar jelas mengenai keutamaan kerajaan dalam membela kebajikan rakyat secara menyeluruh dan berstruktur. Ia menggambarkan hala tuju dasar negara berpaksikan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama pentadbiran.

Dalam suasana global tidak menentu, kos sara hidup yang terus mencabar serta krisis kepercayaan terhadap institusi awam melanda banyak negara, kerajaan memilih untuk meletakkan kebajikan rakyat sebagai paksi utama dasar negara.

Pendekatan ini mengiktiraf hakikat kestabilan sosial dan ekonomi hanya dapat dicapai apabila rakyat berasakan diri dilindungi, didengar dan dibela kerajaan.

Kesejahteraan rakyat dimaksudkan merangkumi pelbagai dimensi, termasuk pendapatan, pendidikan, perlindungan sosial, kecekapan perkhidmatan awam, peluang ekonomi dan keadilan pasaran.

Justeru, kebajikan rakyat tidak ditangani secara terpisah atau bersifat reaktif, sebaliknya melalui reformasi struktur, keberanian membuat keputusan dasar serta kecekapan pelaksanaan konsisten dan berakauntabiliti.

Antara langkah teras diumumkan ialah pelaksanaan Kenalkan Gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 berkuat kuasa mulai Januari 2026 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM18 bilion setahun bagi tempoh dua fasa.

Langkah ini mencerminkan pengiktirafan kerajaan bahawa penjawat awam adalah tulang belakang kepada penyampaian dasar dan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Namun, Perdana Menteri menegaskan imbuhan ini bukanlah tanpa syarat. Sebaliknya, peningkatan gaji dan faedah mesti diterjemahkan kepada perkhidmatan awam lebih cekap, berintegriti dan bersih. Pendekatan ini selari dengan pemikiran beliau yang menegaskan kegagalan tadbir urus akan melemahkan apa jua dasar ekonomi.

Seperti yang pernah ditngatkan dalam bukunya, *Rethinking Ourselves*, apabila isu tadbir urus, ketelusan dan keberterangjawabannya diabaikan, maka walaupun alat dan dasar ekonomi terbukti berkesan digunakan, ia tetap boleh gagal menangani masalah ekonomi secara menyeluruh.

Prinsip ini menjelaskan pembelaan terhadap perjawat awam mesti berjalan seiring tuntutan akauntabiliti lebih tinggi, demi memastikan kebajikan rakyat benar-benar terpelihara melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Pelaburan sosial untuk generasi masa depan

Perutusan ini turut memberi penekanan besar terhadap kebajikan pendidikan menerusi peningkatan peruntukan penyelenggaraan sekolah agama, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), di samping komitmen kerajaan memastikan perkadaran sekolah selamat dan selesa untuk semua murid.

Selain itu, bantuan awal persekolahan sebanyak RM150 bagi setiap pelajar, membabitkan peruntukan keseluruhan RM900 juta, mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap tekanan kewangan dihadapi keluarga, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini akan memastikan akses pendidikan tidak terjejas akibat kekangan kewangan.

Bagi mahasiswa pula, peruntukan RM15 juta untuk Program Bank Makanan Dapur Siswa mencerminkan kesedaran kerajaan bahawa akses kepada pendidikan tinggi tidak boleh terhalang oleh kelaparan dan kesempitan hidup.

Dalam menangani cabaran kos sara hidup,

kerajaan memperkukuh jaringan perlindungan sosial melalui pelaksanaan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dengan peruntukan RM15 bilion yang memanfaatkan 9 juta penerima.

Pelaksanaan SARA bulanan sehingga RM200 dan STR Fasa 1 sehingga RM500 memberikan kelegaan segera kepada isi rumah yang terkesan oleh peningkatan kos kehidupan.

Tambahan pula, inisiatif SARA Untuk Semua memanfaatkan 22 juta rakyat serta diperluaskan kepada 10,000 peniaga kecil memperlihatkan pendekatan kebajikan bersifat inklusif. Ia bukan sekadar bantuan tunai, malah turut merangsang ekonomi tempatan.

Pendekatan ini diperkukuh melalui pelaksanaan 23,000 Jualan Rahmah MADANI dan pelaksanaan Agro MADANI yang menawarkan barangan asas pada harga lebih rendah daripada pasaran setempat bagi meringankan beban rakyat.

Kecekapan perkhidmatan, infrastruktur rakyat

Kecekapan perkhidmatan 2026 juga menegaskan komitmen kerajaan untuk mempercepat penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui peruntukan RM2.4 bilion bagi projek kecil rakyat seperti pembaikan sekolah daif, klinik, jalan kampung dan lampu jalan.

Penyederhanaan proses perolehan mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk menamatkan budaya pentadbiran lambat, berbelit-belit dan tidak mesra rakyat.

Pada masa sama, projek infrastruktur berskala besar seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), projek tebatan banjir, perumahan awam serta projek baharu dalam sektor kesihatan dan pengangkutan awam membabitkan Hospital Sultan Aminah 2, ART Johor Bahru, LRT Mutiara dan Pusat Kanser Sarawak diteruskan sebagai pelaburan jangka panjang demi kesejahteraan rakyat dan keseimbangan pembangunan wilayah.

Kerajaan turut mempertahankan kebajikan rakyat melalui sokongan kukuh kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta peniaga kecil. Ini dilaksanakan melalui peningkatan dana pembiayaan, skim jaminan pembiayaan, pembiayaan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional serta penambahbaikan dasar percukukan dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Langkah ini bertujuan mengurangkan kos operasi perniagaan, menggalakan pertumbuhan ekonomi dan melindungi peluang pekerjaan. Ketegasan kerajaan dalam melawan kartel dan manipulasi harga pula mencerminkan keberpihakan jelas kepada pengguna dan prinsip keadilan pasaran, bahawa keuntungan tidak boleh dibina atas penderitaan rakyat.

Keseluruhan Perutusan Tahun Baharu 2026 memperlihatkan mesej konsisten, iaitu kebajikan rakyat mesti dipertahankan melalui reformasi berterusan, keberanian meninggalkan kebiasaan lama serta keupayaan menilai semula diri dan sistem pentadbiran negara.

Semoga sistem jawat sebagai pelaksana akan menyambut dan menterjemahkan semua perancangan Perdana Menteri untuk 2026 ini menjadi satu realiti.

